KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	01.02.22 (SELASA)	MUKA SURAT	:	28
JABATAN	:	TENAGA NASIONAL BERHAD			

Bisnes

Selasa, 1 Februari 2022 BH

Kesan kekal tarif kepada kewangan TNB tidak jelas



Caj elektrik tetap 39.45 sen kWj di Semenanjung

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Kesan mengekalkan kadar tarif asas elektrik untuk pengguna di Semenanjung terhadap pendapatan Tenaga Nasional Bhd (TNB) masih tidak jelas buat masa ini, demikian mengikut RHB Research.

Penganalisisnya, Sean Lim, berkata walaupun jadual tarif elektrik semasa tidak berubah, kesan perolehan sebenar Tempoh Regulatori Ketiga (RP3) kepada TNB masih tidak jelas buat masa ini.

Kataya, ini kerana parameter utama seperti pertumbuhan permintaan, kos purata wajaran modal (WACC), perbelanjaan modal (capex), asas aset terkawal (RAB), perbelanjaan operasi (opex) dan penanda aras bahan api; tidak didedahkan.

"Terdapat kemungkinan perolehan TNB boleh terjejas secara negatif jika parameter bahan api diselaraskan ke atas tanpa mengubah tarif asas.

"Jika penanda aras bahan api serupa dengan parameter RP2+, Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) mungkin terus memberi subsidi kepada pengguna domestik dan kami juga menjangkakan surcaj lebih tinggi ke atas pengguna bukan domestik pada masa hadapan.

"Dengan mengandaikan perbelanjaan tahunan RM7 bilion dan tujuh peratus WACC, pendapatan kawal selia dianggarkan berkembang 2.6 peratus setahun dalam RP3 - sebarang pengurangan sebanyak 0.1 peratus dalam WACC akan mengurangkan pendapatan kawal selia sebanyak RM66 juta mengikut anggaran kami," katanya dalam nota.

Kerajaan pada Jumaat lalu menangguhkan pelaksanaan Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) TNB bagi RP3.

Suruhanjaya Tenaga (ST) dalam satu kenyataan baru-baru ini berkata, kadar purata tarif asas elektrik kekal pada 39.45 sen per kilowatt jam (kWj) di Semenanjung sehingga ke satu tarikh yang akan diputuskan oleh kerajaan.

> Jika dilihat semula, kami menjangkakan RAB akan mencerminkan peningkatan perbelanjaan modal grid bagi peralihan tenaga dan memperkukuhkan rangkaian pengedaran kepada keperluan infrastruktur pengecasan kenderaan elektrik (EV) yang semakin meningkat
>
> ***Hafriz Hezry,***
> *Penganalisis MIDF Research*



Bagaimanapun, dari segi Pelepasan Kos Bahan Api Tidak Seimbang (ICPT) separuh tahun, pengguna bukan domestik akan dikenakan caj 3.7 sen/kWj mulai 1 Februari hingga 30 Jun 2022 (berbanding 2 sen/kWj sebelum ini).

Sementara itu MIDF Research dalam notanya, meletakkan 'neutral' terhadap prospek TNB memandangkan parameter bagi tempoh RP3 yang masih terhad ketika ini.

Penganalisisnya, Hafriz Hezry, berkata kepentingan utama ialah kadar pulangan terkawal baharu di bawah RP3, pertumbuhan RAB dan juga andaian terhadap kos bahan api utama.

"Jika dilihat semula, kami menjangkakan RAB akan mencerminkan peningkatan perbelanjaan modal grid bagi peralihan tenaga dan memperkukuhkan rangkaian pengedaran kepada keperluan infrastruktur pengecasan kenderaan elektrik (EV) yang semakin meningkat.

"Di bawah tempoh RP2, RAB dianggar berkembang pada kadar purata tahunan sebanyak 4.5 peratus," katanya.